

Pendaftaran pelajar, pengiktirafan IPT tempatan bertambah: Mary Yap

DE 2.9.2016 2

Ricardo Unto

KOTA KINABALU: Terdapat pertambahan ketara dalam pendaftaran pelajar dan pengiktirafan global terhadap institut pengajian tinggi tempatan dalam tempoh sedekad lalu," kata Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Mary Yap.

Katanya, pengiktirafan diberikan kepada penerbitan, hasil penyelidikan, paten dan kualiti institusi.

"Pencapaian ini adalah hasil daya usaha dan inovasi komuniti akademik di Malaysia, sumbangan sektor swasta dan pelaburan besar oleh kerajaan," katanya semasa sesi beramah mesra dengan pelajar-pelajar baru Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Dewan Canselor universiti itu, di sini, pada Khamis.

Menurutnya, kementeriannya menerima banyak maklum balas daripada pelbagai pihak selepas merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025.

"Kami mengakui bukan mudah untuk menjana modal insan mengikut acuan kita sendiri dan sama gah dengan pentas global. Terlalu banyak cabaran yang perlu dihadapi."

"Kami yakin pelajar-pelajar universiti akan bersama-sama kami bagi menjayakan pelan pendidikan negara untuk melahirkan modal insan berkualiti yang akan meneruskan kemajuan negara."

Beliau mengulangi komitmen Kementerian Pendidikan Tinggi untuk memartabatkan pendidikan tinggi di negara ini.

"Laungan 'Soaring Upwards' menjadi kata keramat untuk menaikkan semangat semua warga pendidikan dalam menyokong usaha Kementerian."

Yap turut memuji pelajar-pelajar UMS atas pencapaiannya dalam pelbagai bidang seperti sukan dan seni



MARY melaungkan 'Soaring Upwards' bersama-sama Harun dan pelajar-pelajar baru pada sesi itu.

sejak penubuhannya pada 1994.

"Dari segi kepimpinan, UMS merupakan satu-satunya university awam yang menganjurkan persidangan parlimen mahasiswa di Dewan Undangan Negeri," kata beliau.

Beliau juga mengingatkan pelajar-pelajar baru agar memberikan fokus sepenuhnya kepada tanggungjawab mereka iaitu menimba ilmu.

"Jika mereka mampu memenuhi tanggungjawab ini, saya yakin mereka akan menjadi produk terbaik UMS dalam empat hingga lima tahun akan datang yang pastinya menjadi kebanggaan keluarga, rakyat dan ne-

gara.

"Manfaatkanlah segala peluang yang ada untuk menimba ilmu dan mengasah bakat anda untuk menjadi insan yang berjaya."

"Dalam menghadapi persaingan global hari ini, banyak ilmu dan kemahiran yang perlu dikuasai sebelum anda melangkah kea lam pekerjaan."

"Sehubungan itu, berusahalah menjadi yang terbaik kerana hanya yang terbaik akan berjaya," katanya.

Turut hadir, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.